

Lebih 200 wartawan Sabah, Labuan terima bantuan khas

KOTA KINABALU: Lebih 200 wartawan di seluruh Sabah dan Labuan menerima bantuan kewangan khas daripada Kerajaan Sabah.

Sehubungan itu, Presiden Persatuan Wartawan Sabah (SJA) Datuk Muguntan Vanar (gambar) berterima kasih kepada kerajaan atas bantuan tunai sekali-bayar itu yang mula diagihkan Jumaat lepas.

"Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal cukup prihatin untuk mempertimbangkan permintaan SJA untuk membantu wartawan barisan hadapan yang membuat liputan sepanjang pandemik Covid-19," katanya, dalam kenyataan, Sabtu.

"Bantuan ini tepat pada masanya kerana banyak syarikat media telah mula mengambil pendekatan memotong elaun dan gaji berikutan hasil pendapatan syarikat yang terjejas teruk."

Seperti ramai petugas barisan hadapan, beliau berkata, wartawan juga menghadapi ancaman jangkitan Covid-19 yang amat mudah berjangkit sejak Januari tahun ini sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"SJA gembira dengan bantuan kewangan ini ker-



ana ia akan membantu memenuhi sebahagian keperluan wartawan dan keluarga masing-masing khususnya menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi," katanya.

Beliau menambah, Shafie dan Kerajaan Sabah sebelum ini telah membantu wartawan untuk mendapatkan topeng muka dan cecair pembasmi kuman apabila bekalan barangan itu mencukupi di pasaran.

"Ia tepat pada masanya kerana ramai wartawan barisan hadapan pada pertengahan Mac terpaksa mengitar semula topeng muka mereka susulan kekurangan bekalan, biarpun ia bertentangan dengan nasihat pakar perubatan."

Sementara itu, SJA juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Timbalan Ketua Menteri Datuk Christina Liew serta Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah Datuk Frankie Poon atas sumbangan topeng muka kepada pihak media, yang menjadi keperluan harian semua wartawan yang bertugas di lapangan.

Untuk itu, SJA merakamkan ucapan khas terima kasih kepada mereka.

"Syarikat minyak dan gas Petronas Malaysia dan Repsol Oil & Gas Malaysia Limited juga cukup prihatin untuk menyumbangkan topeng muka kepada SJA untuk kegunaan ahli-ahlinya," kata beliau.